



26 Disember 2017
26 December 2017
P.U. (A) 410

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(TOLAKAN BAGI CUKAI YANG DIKENAKAN
KE ATAS LEBIHAN AKTUARI DI BAWAH
PERNIAGAAN TAKAFUL) 2017

*INCOME TAX (SET-OFF FOR TAX CHARGED
ON ACTUARIAL SURPLUS UNDER
TAKAFUL BUSINESS) RULES 2017*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (TOLAKAN BAGI CUKAI YANG DIKENAKAN KE ATAS LEBIHAN AKTUARI DI BAWAH PERNIAGAAN TAKAFUL) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dan subseksyen 110C(4) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Tolakan bagi Cukai yang Dikenakan ke atas Lebihan Aktuari di bawah Perniagaan Takaful) 2017**.

(2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2015.

Penentuan bahagian lebihan aktuari yang berkenaan dengannya cukai yang dikenakan ditolak

2. Bahagian lebihan aktuari daripada kumpulan wang keluarga suatu pengendali takaful yang dipindahkan kepada kumpulan wang pemegang syer pengendali takaful itu berkenaan dengan perniagaan keluarga pengendali takaful itu menurut subperenggan 60AA(9)(a)(vi) atau 60AA(10)(a)(vi) Akta yang berkenaan dengannya cukai yang dikenakan ditolak daripada cukai yang dikenakan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai daripada kumpulan wang pemegang syer itu dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran menurut seksyen 110C Akta hendaklah ditentukan mengikut formula yang berikut:

$$A \times \frac{B}{C}$$

iaitu A ialah amaun lebihan aktuari daripada kumpulan wang keluarga pengendali takaful yang dipindahkan kepada kumpulan wang pemegang syer menurut

subperenggan 60AA(9)(a)(vi) atau 60AA(10)(a)(vi) Akta dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu;

- B ialah pendapatan bersih daripada pelaburan dan keuntungan bersih daripada pelaburan yang direalisasikan atau apa-apa hak yang terbit daripadanya dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu daripada kumpulan wang keluarga berkenaan dengan perniagaan keluarga pengendali takaful; dan
- C ialah amaun lebihan aktuari dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu daripada kumpulan wang keluarga berkenaan dengan perniagaan keluarga pengendali takaful termasuk sumbangan dan pendapatan daripada pelaburan.

Dibuat 19 Disember 2017

[Perb.CR(8.09)681/2-61(SJ.18)JLD.15(SK.5); LHDN.AY.A/600-1/1/2;
PN(PU2)80/LXXXVIII]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI
Menteri Kewangan Kedua

*[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2)
Akta Cukai Pendapatan 1967]*

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (SET-OFF FOR TAX CHARGED ON ACTUARIAL SURPLUS UNDER TAKAFUL BUSINESS) RULES 2017

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(b) and subsection 110C(4) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Set-off for Tax Charged on Actuarial Surplus under Takaful Business) Rules 2017**.

(2) These Rules are deemed to have effect from the year of assessment 2015.

Ascertainment of portion of actuarial surplus in respect of which tax charged is set-off

2. The portion of the actuarial surplus from the family fund of a takaful operator transferred to the shareholders' fund of the takaful operator in respect of the family business of the takaful operator pursuant to subparagraph 60AA(9)(a)(vi) or 60AA(10)(a)(vi) of the Act in respect of which tax charged is set-off against the tax charged on the chargeable income from the shareholders' fund in a basis period for a year of assessment pursuant to section 110C of the Act shall be ascertained in accordance with the following formula:

$$\frac{A \times B}{C}$$

where A is the amount of the actuarial surplus from the family fund of the takaful operator transferred to the shareholders' fund pursuant to subparagraph 60AA(9)(a)(vi) or 60AA(10)(a)(vi) of the Act in the basis period for that year of assessment;

B is the net income from investment and net proceeds from realization of investment or any rights arising from them in the

basis period for that year of assessment from the family fund in respect of the family business of the takaful operator; and

- C is the amount of actuarial surplus in the basis period for that year of assessment from the family fund in respect of the family business of the takaful operator including contribution and income from investment.

Made 19 December 2017
[Perb.CR(8.09)681/2-61(SJ.18)JLD.15(SK.5); LHDN.AY. A/600-1/1/2;
PN(PU2)80/LXXXVIII]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI
Second Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]